

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>9</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2017</b>
<b>No.</b>	<b>2</b>		<b>1439</b>

---

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15  
*Nurul Asmak Liana Bakar*
- HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31  
*Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsinh Ahmad, Nurulrabihah Mat Noh*
- TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40  
*Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali*
- KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56  
*Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah*
- CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77  
*Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin*
- ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86  
*Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir*
- TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARIAH ...87-98  
*Abu Darda Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani*
- PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFTI ...99-112  
*Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Najihah Abd. Wahid*
- IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130  
*Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar*
- PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140  
*Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don*
- TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153  
*Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit*
- PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166  
*Mohd Azizon Noordin, Zulkefli Haji Aini*
- PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185  
*Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh*

• رحمت الله الهندي الكيرانوي وكتابه إظهار الحق: النقد الإسلامي للعهد القديم والجديد ... 204-186

عبد الكبير حسين صالح

*Al-Hikmah 9(2) 2017: 99-112*

## Pemeliharaan Harta: Analisis Menurut Diwan Imam Shafi'i

Asset Preservation: The Analysis According to Diwan Imam Shafi'i

KHAZRI OSMAN  
AHMAD IRDHA MOKHTAR  
MOHAMAD ZULKIFLI ABDUL GHANI  
NAJIHAH ABD. WAHID

### ABSTRAK

Menjaga dan memelihara harta ialah salah satu daripada *maqasid* dalam Islam. *Maqasid* bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan. Seseorang mujtahid perlu memahami ilmu *maqasid* sebelum mengeluarkan pandangannya. Antara mujtahid yang sering diterima pandangannya ialah Imam Shafi'i, seorang sarjana yang mahir dalam segenap cabang ilmu termasuklah fiqah dan bahasa Arab. Akan tetapi populariti beliau dalam bidang fiqah lebih diketengahkan berbanding bidang bahasa Arab. Disebabkan *maqasid* syariah amat penting dalam muamalat berkaitan harta dan kewangan, maka kajian ini diperlukan. Selain itu, kajian juga penting untuk memfokuskan pandangan Imam Shafi'i berkaitan pemeliharaan harta yang diungkapkan melalui bait-bait puisi. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Bait-bait puisi diterjemahkan melalui kaedah komunikatif dan semantik seterusnya dianalisis menggunakan teori stilistik. Hasil kajian ini mendapati Imam Shafi'i menggalakkan kesungguhan dalam mengumpul harta akan tetapi harta tersebut hendaklah diagihkan dengan cara yang wajar demi pemeliharaannya. Selain itu, hutang juga wajar direkodkan sesuai dengan saranan al-Quran. Sebagai seorang yang faqih, pandangan beliau sesuai dengan teori al-Quran, Hadis dan pendapat ulama. Beliau turut menggunakan laras bahasa yang selari dengan pandangan sarjana lampau dan kini dalam mengungkapkan puisinya.

**Kata kunci:** Pemeliharaan harta, *maqasid*, Imam Shafi'i, puisi, syariah.

### KATA PENGENALAN

Islam ialah agama sempurna yang diturunkan oleh Allah SWT untuk panduan manusia. Allah SWT tidak membiarkan manusia dalam keadaan terumbang-ambing tanpa tujuan. Maka Dia menurunkan syariat lengkap yang boleh memandu manusia ke arah jalan yang betul. Islam meletakkan beberapa objektif sama ada secara umum mahupun khusus, agar manusia

dapat hidup secara komprehensif dan progresif agar manusia dapat meneruskan kehidupan dengan seimbang antara satu sama lain. *Maqasid* syariah ialah ilmu yang membincangkan objektif yang ingin dicapai oleh ajaran syariah Islam. Melalui *maqasid* manusia dapat mengukuhkan akidah keimanan kepada Allah SWT. Manusia akan berlapang dada dalam segenap tindakannya kerana dia memahami matlamat setiap perkara yang diperintah mahupun yang dilarang oleh agama. Hasilnya, dia akan berpegang teguh pada peraturan, rasa cintanya terhadap syariat Allah SWT semakin bertambah serta berasa bangga terhadap agama Islam yang serba lengkap. Apabila seseorang itu berasa bangga dengan agamanya sendiri, dia sukar digugat dan diperdaya oleh serangan pemikiran yang dilemparkan oleh musuh. Antara anugerah Allah SWT kepada manusia ialah harta. Harta ialah wasilah bagi memenuhi keperluan yang dihajati. Harta yang diiktiraf oleh syarak ialah harta yang *mutaqawwim*. Mohd Asyadi Redzuan & Mohd Zaki Razaly (2012) memetik pandangan mazhab Hanafi, *māl mutaqawwim* merupakan harta yang boleh disimpan melalui perbuatan manusia serta boleh dimanfaatkan menurut pandangan syarak dan adat. Oleh itu, ikan di lautan dan burung di langit tidak boleh dikira sebagai *māl mutaqawwim* kerana harta tersebut belum dimiliki atau ditangkap oleh manusia. Begitu juga arak dan khinzir tidak dianggap sebagai *māl mutaqawwim* bagi orang Islam kerana syarak menegah penggunaannya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti bait-bait puisi berkaitan pemeliharaan harta dalam *Diwan* Imam Shafi'i, menganalisisnya dari sudut semantik serta menjelaskan pandangan Islam berkaitan pemeliharaan harta.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Tumpuan diberikan terhadap bait yang berkaitan dengan harta yang terdapat dalam *Diwan* Imam Shafi'i. Bait-bait terpilih diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menggunakan pendekatan komunikatif dan semantik, dianalisis dari sudut gaya bahasa menggunakan teori stilistik sebelum dikaitkan dengan pandangan al-Quran, Hadis dan pandangan sarjana lain.

## TINJAUAN LITERATUR

Ada beberapa kajian lepas yang telah disumbangkan oleh para pengkaji terdahulu berkaitan topik kajian ini. Menurut Khalifi (2004), disebabkan

*maqasid* syariah amat penting dalam muamalat berkaitan harta dan kewangan, maka kajian lanjut berkaitan topik ini amat diperlukan. Sementara itu Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Nurulrabihah Mat Noh (2015), dalam kajian mereka *Pembangunan Akhlak Dan Moral Ke Arah Masyarakat Lestari* menyimpulkan, kepentingan memelihara harta dilihat daripada sudut pembangunan akhlak, membentuk prinsip keprihatinan sesama manusia dan dapat dilahirkan daripada sikap suka menderma, tidak culas dalam menunaikan zakat, serta amanah dalam pengurusan harta. Akhlak yang mulia dapat mencapai *maqasid* Syariah dalam penjagaan harta. Manakala kajian oleh Zikrilhafiz Mohd Sumairi, Sanep Ahmad & Shahida Shahimi (2015), *Maqasid Al-Syariah Dalam Mentransformasikan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia* menekankan betapa Islam menggalakkan umatnya memiliki, menjana dan membelanjakan harta dengan baik dan bijaksana. Konsep *maqasid* syariah memastikan agar harta beredar dan berlegar secara berterusan dalam memberi fokus terhadap keadilan dan manfaat kepada manusia.

## PENGENALAN

Islam ialah agama sempurna yang diturunkan oleh Allah SWT untuk panduan manusia. Allah SWT tidak membiarkan manusia dalam keadaan terumbang-ambing tanpa tujuan. Maka Dia menurunkan syariat lengkap yang boleh memandu manusia ke arah jalan yang betul. Dalam mencipta syariat ini, Allah SWT telah meletakkan beberapa objektif agar manusia dapat meneruskan kehidupan secara seimbang antara satu sama lain. Objektif syariah atau dikenali juga sebagai *maqasid* syariah ialah ilmu yang membincangkan berkaitan objektif yang ingin dicapai oleh ajaran syariah Islam. Melalui *maqasid* manusia dapat mengukuhkan akidah keimanan kepada Allah SWT seterusnya berlapang dada dalam segenap tindakannya kerana dia memahami matlamat setiap perkara yang diperintah mahupun yang dilarang oleh agama. Hasilnya, dia akan berpegang teguh pada peraturan, rasa cintanya terhadap syariat Allah SWT semakin bertambah serta berasa bangga terhadap agama Islam yang serba lengkap. Apabila seseorang itu berasa bangga dengan agamanya sendiri, dia sukar digugat dan diperdaya oleh serangan pemikiran yang dilemparkan oleh musuh terhadap Islam.

## KEDUDUKAN HARTA DI SISI SYARAK

Menurut Ibn al-Athir, secara asasnya harta ialah emas dan perak yang dimiliki oleh seseorang. Definisi ini dikembangkan terhadap setiap aset yang

dijaga dan dimiliki. Harta dalam masyarakat Arab lebih dihubungkan dengan unta, kerana unta merupakan harta terbanyak yang mereka punyai (Ibn al-Athīr 1979). Setiap benda yang mempunyai nilai *maddiyyah* dalam kalangan manusia adalah harta (Zuhaylī 1989). Harta turut didefinisikan sebagai benda yang diminati dan boleh disimpan untuk digunakan pada masa yang diperlukan (Ibn ʿĀbidin 1992). Manakala Imam Shafi'i sendiri mentakrifkan harta sebagai benda yang bernilai, boleh dijual serta dipertanggungjawabkan gantian jika rosak (Suyūṭī 1990). Zuhaylī (1989) mengutip pandangan ulama Hanafiyah, harta seharusnya boleh dikuasai dan dimanfaatkan. Perkara yang *maʿnawī* seperti ilmu, kesihatan, kemuliaan, kecerdikan, udara, cahaya matahari dan bulan, tidak dikategorikan sebagai harta, kerana tidak boleh dikuasai. Manakala bangkai, makanan rosak atau beracun juga tidak diklasifikasikan sebagai harta kerana kebiasaannya tidak mungkin dimanfaatkan. Sebarang bentuk harta mahupun kekayaan yang dimiliki oleh manusia, semuanya merupakan hak Allah SWT. Dia menganugerahkan harta kepada manusia agar mereka mengurus dan membelanjakannya menurut cara yang diredai-Nya. Manusia yang berharta mesti memelihara amanah harta berkenaan selaras dengan kehendak syarak. Nawi Abdullah (2004) menegaskan, walaupun pemilikan sejati atau mutlak adalah bertentangan dengan konsep pemilikan Islam, namun hak individu untuk memiliki, mengguna, mengagih dan mengurus harta dan sumber memang diterima dan dihormati dalam sistem ekonomi Islam. Islam menggariskan kaedah untuk pemeliharaan harta seperti meletakkan hukum untuk merekodkan hutang, gadaian, jaminan, *kafālah*, kontrak, jual-beli salam, *iṣṭiṣnā'*, *'urbūn*, dan mudarabah dengan syarat tiada mukhāṭarah. Bahkan Islam turut menggalakkan pengembangan harta bukan membekukannya, selagi mana tidak membawa kepada riba, judi atau pemilikan harta orang lain secara salah.

### **Pemeliharaan Harta dari Sudut *Maqāṣid***

Dalam syariah, pemeliharaan harta tertakluk pada dua aspek; *wujūd* dan *ʿadam*. Dari sudut *wujūdnya*, syarak menggalakkan insan berusaha mencari rezeki kerana harta penting untuk meneruskan kelangsungan hidup. Manusia perlu bekerja, melibatkan diri dalam perniagaan, pertanian dan pelbagai sektor untuk memperoleh harta halal. Kata Ḥudhayfah bin al-Yamān: “Meninggalkan dunia semata-mata kerana akhirat, atau meninggalkan akhirat hanya kerana inginkan dunia bukanlah cara terbaik. Sebaliknya, kaedah yang paling tepat ialah memanfaatkan kedua-duanya” (Muttaqī al-Hindī 1989). Seorang lelaki menyatakan kepada Imam Ahmad bin Ḥanbal bahawa dirinya sudah serba cukup. Namun Imam Ahmad tetap menasihatkannya supaya ke pasar untuk berniaga demi membiasakan diri

mencari rezeki selain dapat mengukuhkan silaturahim. Dari segi *‘adam* pula, syarak mengharamkan pencerobohan harta milik orang lain dan pembaziran. Bahkan undang-undang hudud mesti dikuatkuasakan. Selain itu harta yang dirosakkan bukan dengan cara sepatutnya wajar dibayar ganti-rugi. Manakala hutang pula perlu direkodkan dan disaksikan. Barang yang ditemui perlu diurus menurut syarat-syarat tertentu.

### LATAR BELAKANG IMAM SHAFI’I

Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Idris bin al-Abbas bin Uthman, bin Shafi’, bin al-Saib, bin ‘Ubayd, bin Abd Yazid, bin Hashim, bin Abd al-Muṭṭalib bin Abd Manaf (Aṣbahānī 1974), berketurunan Bani Hashim berdasarkan nasabah dengan keturunan Rasulullah SAW pada datuknya yang keempat iaitu Abd Manaf. Beliau dilahirkan di Gaza pada tahun 150 H kemudian berpindah ke Hijaz. Seterusnya menuntut ilmu Beliau berguru kepada Imam Malik. Selepas kewafatan Imam Malik, beliau pulang semula ke Makkah lalu mengasaskan manhaj baharu untuk *madrasah*nya sendiri. Hasil kesungguhan menuntut ilmu, beliau berjaya menghimpunkan hadis dan pelbagai pandangan fiqah yang tidak terkira banyaknya. Beliau menumpukan perhatian terhadap *mentarjih* hadis yang diperolehnya itu dari aspek sanad, *nasikh* dan *mansukh* untuk dikaitkan dengan *ahkam* al-Quran dan dalil-dalilnya. Per Kembalian Imam Shafi’i ke Iraq pada tahun 195 Hijrah mendorong ramai ilmuwan menuntut ilmu dengannya. Mereka tertarik dengan manhaj beliau berfatwa dan kemampuannya dalam pelbagai cabang ilmu. Mereka merekod mutiara ilmu yang dikutip daripada Imam Shafi’i. Maka, pendapat beliau sebelum berpindah dari Iraq ke Mesir dinamakan sebagai *madhhab qadīm* yang turut disokong oleh Ahmad bin Ḥanbal. Kata Imam Ahmad “Kami tidak akan mengetahui *fiqh hadīth* tanpa Imam Shafi’i” (Jizānī 2003).

### PUISI IMAM SHAFI’I

Puisi Imam Shafi’i mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan pengkaji. Masa yang dihabiskan selama hampir 20 tahun bersama masyarakat Hudhayl mempengaruhi cara beliau menuturkan bahasa Arab. Fayyumi (2006) berpendapat beliau mengambil pendekatan memaparkan realiti kehidupan masyarakat melalui uslub yang mudah difahami. Oleh yang demikian, amat wajar kandungan puisi beliau dikaji dan disebarikan hasilnya untuk dimanfaatkan oleh semua golongan khususnya ulama dan fuqaha. Kebanyakan puisinya mudah difahami kerana penggunaan bidalan dan perumpamaan yang sinonim dengan masyarakat. Secara keseluruhannya puisi beliau bersifat pendidikan akhlak. Bahjat (1999), mengagumi puisi

Imam Shafi'i kerana berjaya menyingkap kehidupan beliau yang padat dengan pengalaman menuntut ilmu di samping merakam peristiwa yang dilalui pada zamannya. Kepintarannya dalam berbahasa Arab mempengaruhi bentuk persembahan puisinya yang diserlahkan melalui uslub mudah serta bebas daripada kecacatan. Puisi Imam Shafi'i dikumpulkan oleh ramai pengkaji. Akan tetapi usaha mengumpul sahaja tanpa tahkik tidak akan menjadikan *diwan* beliau kelihatan sempurna. Oleh yang demikian Bahjat telah melakukan tahkik bagi membezakan antara ungkapan Shafi'i dan sebaliknya. Baṭṭāḥ (2013) menyimpulkan bahawa himpunan puisi Imam Shafi'i yang disunting oleh Bahjat wajar dijadikan panduan menitikberatkan sumber yang sahih untuk setiap rangkap puisi.

## PERBINCANGAN DAN ANALISIS

1. Bahjat (1999) memetik bait puisi oleh Imam Shafi'i:

سَأَصْرِبُ فِي طُولِ الْبِلَادِ وَعَرَضِهَا وَأَكْسِبُ مَالًا أَوْ أَمُوتُ غَرِيْبًا  
فَإِنْ تَلَقَّتْ نَفْسِي فَلِلَّهِ دُرُّهَا وَإِنْ سَلِمْتَ كَانَ الرَّجُوعُ قَرِيْبًا

Maksudnya:

*Aku mengembara ke merata negeri, mencari harta atau aku mati sebagai dagang piatu.*

*Jika aku kehilangan nyawa, maka biarlah kerana Allah. Jika selamat, maka jalan pulang menjadi dekat.*

Penggunaan *adrib* dalam bait pertama sangat sesuai kerana dalam surah *darb* bermaksud bermusafir bagi tujuan perniagaan atau jihad (Ibn ʿĀdil 1998). Selain itu, kata kerja *darabtum* digunakan dalam firman Allah SWT surah al-Nisa' (4:101), iaitu ayat yang mengharuskan qasar solat bagi orang musafir. Berdasarkan pendapat-pendapat ini ternyata *darb* jauh lebih mendalam maksudnya berbanding *safar*. Penampilan *tūl* dan *ʿarḍ* yang bermaksud panjang dan lebar, merupakan penggunaan yang sesuai kerana kedua-dua ukuran ini diperlukan untuk mengukur keluasan sesuatu tempat. Dalam sepucuk surat yang diterima oleh ʿIzz al-Dawlah daripada ʿAbd al-Karīm bin al-Muṭīʿ Lillāh, kata beliau, "...sekiranya sukar untuk mereka berkumpul disebabkan mereka *inbiṣāṭ* (tersebar) di atas bumi, panjang dan lebarnya, maka hal itu memerlukan persetujuan pembesar setiap negeri..." (Ibn al-Athīr t.th.). Apabila pemuisi menggunakan kedua-duanya sekali gus, ditambah pula dengan kalimah *bilād* dalam bentuk jamak, mencerminkan betapa luasnya pengembaraan yang dilakukan oleh beliau. Pendahuluan *tūl* kemudian diikuti oleh *ʿarḍ* bersesuaian dengan tertib yang biasa digunakan

oleh sarjana. Imam Shafi'i sendiri mengembara dari tempat kelahirannya di Palestine ke Hijaz, kemudian ke Iraq dan meninggal dunia di Mesir. Imam Shafi'i banyak menghabiskan masa menyebarkan ilmu di Mesir. Pada awal kedatangannya ke sana pada tahun 199 Hijrah, masjid 'Amr bin al-Āṣ dipilih untuk dijadikan pusat pengajaran. Masyarakat mula menyukai dan mengerumuni beliau. Menurut Hārūn bin Sa'īd al-Aylī: "Apabila diberitahu ada seorang lelaki berketurunan Quraysh datang, kami terus mendapatkannya. Kami dapati solatnya sangat bagus, air mukanya amat jernih dan tutur katanya sungguh tersusun. Kami terpesona dengannya (Ṣallābī 2006). Rabī' bin Sulaymān, salah seorang anak murid Imam Shafi'i di Baghdād meriwayatkan bahawa beliau meninggal dunia pada hari Khamis malam Jumaat, hari terakhir bulan Rejab tahun 204 Hijrah di Mesir, ketika berusia 54 tahun (Nawawī 2007). Jenazahnya dikebumikan di Mesir dalam kawasan tanah perkuburan yang dikelilingi oleh sanak-saudara dari Bani Zuhrah daripada keturunan 'Abd al-Raḥmān bin 'Awf (Ḥamawī 1993).

Islam menuntut umatnya mencari rezeki. 'Umar r.a. menegah insan malas yang hanya duduk menadah tangan memohon rezeki sedangkan dia malas, kerana langit tidak mencurahkan emas mahupun perak (Ibn 'Abd Rabbih 1983). Muslim bukan sekadar mencari rezeki, bahkan mesti memastikan rezeki itu halal. Dalam konteks *maqasid* ada dua cara harta boleh diperoleh; melalui usaha atau tanpa usaha yang juga dikenali sebagai harta terpijak. Contoh harta yang diperoleh menerusi usaha ialah penyewaan, perniagaan, pertanian dan pembuatan (Sarkhasī 1989). Harta terpijak diperoleh tanpa memerlukan seseorang itu berpenat lelah berusaha mencarinya, bahkan berjaya dimiliki tanpa pilihan. Contohnya harta yang diterima melalui hibah, wasiat, tebus talak dan pembahagian harta pusaka. Ada tiga golongan manusia yang mengumpul harta. Golongan pertama, manusia yang bermatlamatkan dunia semata-mata dan harta menyibukkannya sampai terlupa akhirat. Golongan kedua, suka mengumpul harta daripada sumber yang paling baik, kemudian menyalurkannya ke tempat yang baik. Manakala golongan ketiga, mengumpul harta tidak kira daripada sumber halal atau haram serta menyalurkannya dengan cara yang serupa (Nābulṣī 2010).

2. Bahjat (1999) memetik bait puisi oleh Imam Shafi'i:

يَا جَامِعَ الْمَالِ تَرْجُو أَنْ تَقُورَ بِهِ      كُلُّ مَا أَكَلْتُ وَقَدِمَ لِلْمَوَازِينِ  
وَلَا تُكُنْ كَالَّذِي قَدْ قَالَ إِذَا حَضَرَثُ      وَفَاتُهُ : تُلْتُ مَالِي لِلْمَسَاكِينِ

Maksudnya:

*Wahai pengumpul harta yang mengharapkan kejayaan. Ambillah apa yang engkau ingin makan dan jangan lupa akan timbangan.*



*Jangan jadi seperti orang yang apabila tiba saat kematian, baru teringat sepertiga hartaku untuk orang miskin.*

Sebagaimana dinyatakan, Islam menggalakkan umatnya mengumpulkan harta. Akan tetapi *idāfah* perkataan *jāmi'* kepada *al-māl* bukanlah semestinya sesuatu yang terpuji. Sebagai contoh, ungkapan *jāmi' al-māl* dalam hadis yang dinilai sebagai *ḍa'if jiddan*, direkodkan oleh Albānī (2000):

لا يُعَجِّبُكَ رَحْبُ الدَّرَاعَيْنِ بِالْذَّمِّ وَلَا جَامِعُ الْمَالِ مِنْ غَيْرِ حِلِّهِ فَإِنَّهُ إِنْ تَصَدَّقَ بِهِ لَمْ يُقْبَلْ مِنْهُ وَمَا بَقِيَ كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ

Selain itu, Muhammad bin Ṣāliḥ juga ada mengungkapkan (Daynūrī 1998):

يَا جَامِعَ الْمَالِ الْكَثِيرِ لِعَيْرِهِ إِنَّ الصَّغِيرَ مِنَ الذُّنُوبِ كَبِيرٌ

Berdasarkan hadis dan bait ini, Imam Shafi'i dilihat sealiran dengan hadis dan pemuisi lain apabila cenderung mengaitkan perbuatan mengumpulkan harta dengan kesan atau pengaruh yang tidak elok. *Rajā'* dan *tamannī* mempunyai perbezaan. Menurut Ibn al-Qayyim (1996) *rajā'* ialah keinginan untuk mendapatkan sesuatu yang diiringi dengan usaha dan tawakal. Manakala *tamannī* pula pengharapan yang disekat dengan sifat malas. Oleh itu, penggunaan kata kerja *tarjū* dalam bait Imam Shafi'i ini menunjukkan orang yang mengumpulkan harta mesti berikhtiar, bersungguh-sungguh dan percaya dengan sepenuh hati kepada Allah SWT. Walaupun individu bebas mengumpulkan harta dan menikmati faedah, dia wajar menginfakkan sebahagian hartanya untuk tujuan akhirat. *Mawāzīn* merupakan kata jamak bagi *mīzān* iaitu alat yang digunakan untuk menimbang. Walaupun kata nama *jāmi'*, dan kata-kata kerja *kul*, *akalta*, *tafūz* dan *tafūz* tampil dalam bentuk mufrad, akan tetapi *mawāzīn* dalam bentuk jamak. Perkataan *mīzān* dan *mushtaqqāt*nya terdapat sebanyak 23 kali dalam al-Quran, akan tetapi untuk ayat-ayat yang merujuk kepada timbangan amal, hanya *mawāzīn* digunakan bukan *mīzān*. Antara ayat tersebut ialah firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf (7:8,9), al-Anbiyā' (21:47), al-Mu'minūn (23:102,103), dan al-Qāri'ah (101:6,8). Hal ini menunjukkan pemuisi meraikan uslub al-Quran dalam baitnya.

Dahāmī (2005) menukilkan pandangan bahawa sedekah yang paling baik ialah sedekah yang diberikan secara sembunyi, lebih-lebih lagi jika sedekah tersebut untuk golongan fakir miskin bagi mengurangkan rasa malu.. Namun ada sedekah yang sukar disembunyikan seperti menyiapkan angkatan tentera dan mengairi saluran. Selain itu, sedekah semasa masih

sihat lebih daripada meninggalkan wasiat untuk dilaksanakan selepas kematian. Pemberi sedekah hendaklah mendahulukan pemberian yang wajib sebelum yang sunat. Dia boleh memberi menurut kemampuan atau lebih hartanya setelah ditolak perbelanjaan asas, bagi mengelakkan timbulnya penyesalan selepas bersedekah yang mungkin mengurangkan ganjaran pahala. Namun begitu Rasulullah SAW tidak menegah perbuatan Abu Bakar r.a. yang menyumbang seluruh hartanya fi sabilillah. Saudara-mara yang memerlukan wajar diutamakan dalam pemberian sedekah kerana sedekah kepada mereka menjadikan penyumbang mendapat dua pahala iaitu pahala sedekah dan meneguhkan ikatan persaudaraan.

Peringatan Imam Shafi'i dalam bait kedua menyuruh manusia bersedekah semasa sihat sesuai dengan sabda Rasulullah SAW ketika menjawab soalan Abu Hurayrah tentang sedekah yang baik. Baginda SAW menjawab sebagaimana direkodkan oleh Muslim (t.th.): "Sedekah yang dihulurkan semasa kamu masih sihat dan rasa bakhil (rasa sayang untuk dermakan harta kerana takut jadi fakir dan masih berangan ingin jadi kaya), maka jangan tangguh sedekah sehingga apabila roh sampai di kerongkong, pada saat itu kamu berkata, "Harta ini untuk si polan, ini untuk si polan. Sebenarnya harta itu memang akan dimiliki oleh si polan." Hadis ini menggalakkan manusia bersegera melalukan kebaikan khususnya bersedekah sebelum ajal tiba. Sedekah orang yang sihat lebih baik daripada sedekah orang yang sedang sakit lantaran orang sihat biasanya agak susah untuk bersedekah. Jika dia bersedekah, maka sedekahnya itu menjadi bukti keikhlasannya. Walau bagaimanapun jika orang yang sudah berputus asa untuk sihat bersedekah, pahalanya tidak sama dengan sedekah sewaktu masih sihat.

### 3. Bahjat (1999) memetik bait puisi oleh Imam Shafi'i:

أَنْلِي بِالذِّي اسْتَفْرَضْتُ حَطًّا	وَأَشْهَدُ مَعْشَرَ قَدْ شَاهَدُوهُ
فَإِنَّ اللَّهَ خَلَقَ الْبِرَائَا	عَنْتَ لِحَالِ هَيْبَتِهِ الْوُجُوهُ
يَقُولُ إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينِ	إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَارْتَبُوهُ

Maksudnya:

*Wahai orang yang berhutang daripadaku, tulislah, saksikanlah, semua pihak juga telah menyaksikan, Sesungguhnya Allah Maha Pencipta makhluk, sekalian makhluk tunduk mengakui kebesaran-Nya, Dia berfirman: "Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan berkaitan hutang, yang diberi tempoh tertentu maka hendaklah kamu menulisnya."*

Walaupun *kitābah* dan *khaṭṭ* mempunyai maksud yang hampir sama, akan tetapi dalam puisi ini, pemuisi memilih kalimah *khaṭṭ* yang bermaksud menulis atau melakar sesuatu menggunakan pena atau sebagainya (Azdī 1983). Ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang itu merekodkan hutang walau dengan apa cara sekalipun. Kehadiran kata kerja perintah *ashhid* murut mengukuhkan maknanya, kerana Imam Shafi'i bukan sekadar meminta hutang itu ditulis, malahan perlu disaksikan, selari dengan perintah Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 282. *Barāyā* berasal daripada *barāh* yang dikhususkan untuk manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah ayat ketujuh dan kelapan (Ibn ʿAshūr 1984), yang sama maksud dengan *khalq*. Untuk bait-bait puisi ini, pemuisi cenderung menggunakan *barāyā* mauduknya berkaitan hutang yang hanya dilakukan oleh manusia bukan makhluk lain. Didapati juga ungkapan *ʿanat li jalāl haybatihī al-wujūh* memiliki kemiripan dengan ayat 111 surah Tāhā. Dikaitkan *ʿanat* yang bermaksud kehinaan dengan *wujūh* (muka) sebagai *majāz ʿaqlī*. Maydānī (1996) memetik pandangan ʿAbd al-Qāhir al-Jurjānī, *majāz ʿaqlī* merupakan khazanah ilmu *balāghah* yang amat bernilai, yang diaplikasikan oleh pemuisi yang mampu memikat perhatian, dan penulis kreatif yang mahir ilmu *al-bayān*. Dalam ungkapan ini juga terkandung *majāz mursal* dengan *ʿalaqah juziyyah* kerana bukan sekadar wajah sahaja yang tunduk mengakui kebesaran Ilahi, bahkan tubuh berbuat demikian. Wajah turut memberi maksud para pemuka. *Alif lām* pada *al-wujūh* berkemungkinan li *al-ʿahd* atau sebagai ganti kepada *muḍāf ilayh* yang dihapuskan iaitu orang yang bersalah. Tunduknya wajah kepada Allah SWT boleh berlaku di dunia dan akhirat. Jika di dunia, ketundukan berlaku ketika rukuk dan sujud (Naḥḥās 2000). Ungkapan ini turut mengandungi *istiʿārah*, iaitu perasaan takut yang beriak-riak di wajah insan kerana takut dan gelisah (Jaʿfar Sharaf al-Dīn 1999). Pada rangkap ketiga, pemuisi memetik firman Allah SWT daripada surah al-Baqarah ayat 282 dengan cara *al-ʿaqd*, iaitu salah satu bentuk *al-Iqtibās*. Bezanya *al-ʿaqd* ialah mengambil sejumlah atau sebahagian besar lafaz daripada al-Quran kemudian mengubah suai sama ada dengan cara menambah atau mengurangkan berdasarkan kehendak puisi (Marāghī 1981). Dalam rangkap ketiga ini, firman Allah SWT itu dipisahkan menjadi *shaṭr* pertama dan kedua. Kata kerja *faktubūh* dalam ayat perintah, sama ada dalam al-Quran mahupun dalam puisi ini bertujuan memberi petunjuk atau *irshād* serta nasihat, selari dengan ketetapan syarak yang meletakkan menulis hutang serta menyaksikannya ialah sunat (Jaṣṣās 1985). Hutang turut dikenali sebagai *qard* kerana peminjam wajib memulangkan kembali barang yang dipinjamnya. Hukum berhutang ialah sunat tetapi penghutang wajib melangsaikan hutang yang dibuat. Merekodkan hutang dapat menjelaskan kejujuran kedua-dua pihak kerana ada pihak yang tidak serius dalam berhutang. Selain itu, jika salah satu pihak

sama ada penghutang atau pemiutang terlupa akan kontrak yang dibuat, mereka boleh rekod yang telah dipersetujui. Saksi boleh bertindak sebagai orang tengah jika berlaku pertelingkahan.

Nur Nazlina Nadzari (2016) memetik hasil kajian oleh Kajian Indeks Sentimen Pelabur Manulife (MISI) yang mendapati 68 peratus daripada rakyat Malaysia dibebani dengan hutang, kadar tertinggi dalam kalangan lapan pasaran yang ditinjau di Asia dan lebih dua kali ganda purata serantau sebanyak 33 peratus. Anggaran purata hutang di Malaysia adalah RM56, 000 iaitu kira-kira 10 kali lebih tinggi daripada purata pendapatan peribadi bulanan individu. Sebanyak 89 peratus daripada responden Malaysia memantau perbelanjaan mereka secara tetap, manakala 44 peratus membelanjakan 70 peratus atau lebih daripada pendapatan bulanan mereka setiap bulan yang menunjukkan mereka tidak memantau perbelanjaan untuk berjimat. Bank Negara Malaysia, hutang isi rumah berbanding Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat purata 12 peratus setahun sejak lima tahun lalu dan berada pada paras 82.9 peratus setakat akhir Mac 2013. Sekali gus Malaysia merupakan negara yang mempunyai paras hutang isi rumah berbanding KDNK tertinggi antara negara-negara membangun di rantau Asia. Bukan sekadar itu, Abdul Basit Hodari et al. (2014) mengetengahkan laporan Dewan Rakyat 2013 bahawa masalah hutang isi rumah dan kebangkrutan terutama dalam kalangan golongan muda merupakan antara topik hangat yang dibincangkan dalam sidang Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas. Perbincangan menjurus kepada masalah hutang kad kredit yang membawa kepada kebangkrutan pada mulanya. Bukan sekadar hutang kad kredit sahaja, bahkan produk pinjaman dan pembiayaan secara hutang semakin banyak di institusi-institusi kewangan seluruh negara turut mengawatkan keadaan.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa Islam bukan sekadar agama untuk akhirat. Bahkan urusan dunia juga tidak boleh dikesisikan. Umat Islam digalakkan berusaha sedaya-upaya untuk mencari rezeki halal bagi menjamin kelangsungan hidup di dunia. Pengembaraan Imam Shafi'i dari Gaza kemudian ke Makkah seterusnya ke Iraq dan akhir sekali ke Mesir membuktikan hal ini. Islam tidak menggalakkan umatnya mengumpul harta sebanyak-banyaknya tanpa menyumbang ke arah kebajikan. Sebaik-baik sedekah adalah semasa seseorang itu masih sihat. Untuk golongan yang memerlukan, Islam membenarkan mereka berhutang. Hutang perlu ditulis dan disaksikan bagi memastikan penghutang dan pemiutang mematuhi kontrak perjanjian. Imam Shafi'i mempersembahkan nasihat yang amat berguna ini dalam bentuk puisi. Beliau mengungkapkan

perkataan, frasa, klausa dan ayat dalam bait-bait puisinya bersesuaian dengan pandangan sarjana lain dalam bidang bahasa Arab. Keupayaan mengadaptasi ayat al-Quran dan hadis dalam puisi turut menyerlahkan kehebatan beliau dalam *balāghah*. Oleh itu, amat wajar puisi Imam Shafi'i terus diteroka untuk mengukuhkan kepercayaan dan amalan umat Islam.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Abdul Basit bin Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh. 2014. Hutang dan golongan muda di malaysia: satu kajian awal. Dlm. The Malaysian National Economic Conference, hlm. 833–44. [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM\\_2014\\_5C4.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_5C4.pdf).
- Albānī, Muhammad Nāṣir al-Dīn. 2000. *Ḍaʿīf Al-Targhīb Wa Al-Tarhīb*. Arab Saudi: Maktabah al-Maʿārif.
- Aṣbahānī, Ahmad ʿAbdullah. 1974. *Ḥilyah Al-Awliyāʾ*. Kaherah: Al-Saʿādah.
- Azdī, Abū Bakr Muḥammad al-Ḥasan. 1983. *Jamharah Al-Lughah*. Beirut: Dār ʿIlm al-Malāyīn.
- Bahjat, Munjid Mustafā. 1999. *Dīwān Al-Shāfiʿi*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Baṭṭāḥ, ʿImād Ṣubḥī. 2013. Antologi puisi imam shafi'i antara yang benar dan yang palsu satu kajian retorika. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dahāmī, ʿAlī Muḥammad. 2005. Al-Ṣadaqah Fadāiluhā wa Anwāʿuhā. <http://ar.islamway.net/article/1063/> (January 30, 2017).
- Daynūrī, Abu Bakr Ahmad Marwan. 1998. *Al-Mujālasah Wa Jawāhir Al-ʿIlm*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Fayyūmī, Saʿīd. 2006. Al-ṣūrah al-fanniyyah fi shiʿr al-imām al-shāfiʿī. *Majallah Jāmiʿah al-Quds al-Maftūḥah* 7. <http://www.qou.edu/arabic/magazine/issued7/research7.pdf>.
- Ibn al-Athīr, al-Mubārak Muhammad. 1979. *Al-Nihāyah Fi Gharīb Al-Ḥadīth Wa Al-Athar*. Beirut: Al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr, Naṣrullah Muhammad. t.th. *Al-Mathal Al-Sāir*. Kaherah: Dār Nahdah.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad Abū Bakr. 1996. *Madārij Al-Salikīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿArabī.
- Ibn ʿAbd Rabbih, Ahmad Muhammad. 1983. *Al-ʿAqd Al-Farīd*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn ʿĀbidin, Muḥammad Amīn bin ʿUmar. 1992. *Al-Durr Al-Mukhtār Wa Ḥāshiyah Ibn ʿĀbidin*. Beirut: Dār al-Fikr.

- Ibn ʿĀdil, ʿUmar ʿAlī. 1998. *Al-Lubāb Fi ʿUlūm Al-Kitāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn ʿĀshūr, Muhammad al-Ṭāhir Muhammad. 1984. *Al-Taḥrīr Wa Al-Tanwīr*. Tunis: Dār al-Tūnisīyyah.
- Jaʿfar Sharaf al-Dīn. 1999. *Al-Mawsūʿah Al-Qurāniyyah*. Beirut: Dār al-Taqrīb Bayna al-Madhāhib al-Islāmiyyah.
- Jaṣṣās, Ahmad bin ʿAlī. 1985. *Aḥkām Al-Quran*. Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabiyy.
- Jīzānī, Muhammad Ḥusayn. 2003. *Maʿālim Al-Sunan*. Amman: Dār Ibn al-Jawzī.
- Khalifī, Riyād Maṣṣūr. 2004. *Al-maqāṣid al-syariah wa atharuhā fi fiqh al-muʿāmalāt al-māliyah*. *Al-Iqtisād al-Islāmī*, Majallah Jāmīʿah al-Malik ʿAbd al-ʿAzīz 17(1) 3–49. [http://www.cba.edu.kw/elsakka/171-Al-Khelaifi\\_01.pdf](http://www.cba.edu.kw/elsakka/171-Al-Khelaifi_01.pdf).
- Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā. 1981. *ʿUlūm Al-Balāghah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Maydānī, ʿAbd al-Raḥmān Ḥabannakah. 1996. *Al-Balāghah Al-ʿArabiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Mohd Asyadi Redzuan & Mohd Zaki Razaly. 2012. *Māl mutaqaawwim menurut perundangan islam dan implikasinya di dalam kehidupan manusia*. Dlm. *International Conference On Islamic Economy And Business2*, hlm. 430–40. [https://www.academia.edu/7408545/Mal\\_Mutaqaawwim\\_Menurut\\_Perundangan\\_Islam\\_dan\\_Implikasinya\\_dalam\\_Kehidupan\\_Manusi\\_a](https://www.academia.edu/7408545/Mal_Mutaqaawwim_Menurut_Perundangan_Islam_dan_Implikasinya_dalam_Kehidupan_Manusi_a).
- Muslim, Muslim Ḥajjāj. t.th. *Saḥīḥ Muslim*. Muhammad Fuad ʿAbd al-Bāqī (tahkik). Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabiyy.
- Muttaqī al-Hindī, ʿAlī Ḥusām al-Dīn. 1989. *Kanz Al-ʿUmmāl Fi Sunan Al-Aqwāl Wa Al-Afʿāl*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Nābulṣī, Muḥammad Rātīb. 2010. No Title. <http://www.nabulsi.com/blue/ar/art.php?art=5843&id=44&sid=46&ssid=48&ssid=49> (November 23, 2016).
- Naḥḥās, Abu Bakr Jaʿfar Aḥmad bin Muḥammad. 2000. *Frāb Al-Quran*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Nawi Abdullah. 2004. *Konsep pemilikan di dalam islam*. *Jurnal Usuluddin Universiti Malaya* 19. [http://umijms.um.edu.my/filebank/published\\_article/6868/Jurnal.Usuluddin.19.2004-02.Nawi.Pemilikan.pdf](http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/6868/Jurnal.Usuluddin.19.2004-02.Nawi.Pemilikan.pdf).
- Nur Nazlina Nadzari. 2016. *Rakyat Malaysia paling ramai berhutang*. *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/rakyat-malaysia-paling-ramai-berhutang-1.196814>.

- Ṣallābī, °Alī Muhammad. 2006. *Dawlah Al-Salājiqah*. Muassasah. Kaherah.
- Sarkhasī, Muḥammad Aḥmad. 1989. *Al-Mabṣūṭ*. Beirut: Dār al-Ma°rifah.
- Suyūṭī, °Abd al-Rahmān Abū Bakr. 1990. *Al-Ashbāh Wa Al-Nazāir*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Nurulrabihah Mat Noh. 2015. Pembanguna akhlak dan moral ke arah pembangunan lestari. *Jurnal al-Hikmah* 7(2) 72–87. <http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/142/alhkm>.
- Zikrilhafiz Mohd Sumairi, Sanep Ahmad & Shahida Shahimi. 2015. Maqasid al-syariah dalam mentransformasikan sistem perbankan islam di malaysia. Dlm. Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015, hlm. 1–10. <http://usulifaqihrc.com/eprosiding/wp-content/uploads/2015/06/Prosiding-Zikrilhafiz-Mohd-Sumairi.pdf>.
- Zuḥaylī, Wahbah Mustafā. 1989. *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Beirut: Dār al-Fikr.

\*Khazri Osman, khazri@ukm.edu.my  
Ahmad Irdha Mokhtar, irdha@ukm.edu.my  
Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, zulghani@ukm.edu.my  
Pensyarah,  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Najihah Abd. Wahid, anajihah@unisza.edu.my  
Felo Penyelidik,  
Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Islam (INSPIRE),  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA).